

02/07/2003

Mewah hasil rasuah tiket masuk neraka

Mohd Shukri Hanapi

RASUAH adalah perbuatan yang amat membahayakan perkembangan ekonomi dan kelicinan pembangunan masyarakat. Andainya amalan ini semakin berleluasa, keharmonian sesebuah masyarakat pasti akan terjejas. Manakala keadaan rakyat dan sistem pentadbiran negara akan turut kucar-kacir.

Perbuatan rasuah atau makan suap, bukanlah perkara baru dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. Ia adalah penyakit sosial yang lama menular dalam masyarakat.

Atas kebimbangan itu, Perdana Menteri, minggu lalu, mengingatkan rakyat negara ini, terutama orang Melayu, agar tidak mengamalkan rasuah kerana ia mungkin boleh menyebabkan negara jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Amalan buruk itu sepatutnya dihindari seperti racun, tetapi malangnya, masih ramai rakyat termasuk orang Melayu melihat rasuah sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan."

Dalam hal ini, Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu pekerjaan, yang kami tetapkan pula pendapatannya, jika dia mengambil lebih daripada (pendapatan) yang ditetapkan itu (iaitu dengan cara rasuah), dia adalah mencuri." (Hadis riwayat Abu Daud)

Kekayaan dan kemegahan hidup yang diperoleh dengan cara rasuah sangat dikutuk oleh Islam. Khalifah Islam ketiga, Saidina Umar al-Khattab juga melafazkan perkataan yang sangat berat mengutuk perbuatan rasuah ini.

Begitu juga dengan sikap Khalifah Umar Abdul Aziz yang dengan tegasnya menentang perbuatan rasuah ini.

Pengertian rasuah bukanlah terhad kepada penerimaan wang saja, malah merangkumi perkara seperti tidak menjalankan tugas yang diamanahkan secara jujur dan tidak melakukan kebenaran dalam segala tingkah laku.

Pegawai yang kurang bertanggungjawab atau menyalahgunakan kuasa yang diberikan juga sebab timbulnya perbuatan rasuah. Amalan rasuah adalah unsur penting yang boleh menghancurkan pembangunan masyarakat dan negara.

Perbuatan rasuah akan berlaku apabila wujud orang yang terlalu ingin mencari taraf hidup yang lebih tinggi daripada sedia ada. Tambahan pula, ia disertai dengan perasaan hendak menunjuk-nunjuk kemewahan itu, padahal perkara ini di luar kemampuannya.

Untuk memastikan kemewahan yang diinginkan itu tercapai, lalu seseorang itu akan berusaha mencarinya walaupun dengan cara yang tidak jujur, iaitu rasuah.

Pegawai yang ditugaskan untuk menguruskan kepentingan orang ramai wajiblah menjalankan segala tugas dengan jujur, amanah dan

bertanggungjawab. Ini semata-mata untuk menjamin kebahagiaan dan keharmonian masyarakat dan seterusnya mewujudkan keamanan negara.

Seseorang pegawai itu boleh dikatakan bertanggungjawab sekiranya tugas yang dilakukannya itu semata-mata untuk kebajikan rakyat dan kerana Allah

bukan disebabkan sogokan atau upah dengan cara tidak jujur untuk kepentingan diri sendiri.

Pelbagai bentuk hadiah dan buah tangan yang diberikan dengan tujuan untuk mempercepatkan sesuatu urusan orang atau pihak tertentu, adalah dianggap rasuah.

Hidup mewah dengan hasil perbuatan rasuah amat dikutuk oleh Islam.

Hidup

mewah seperti itu hanya menurut kehendak hawa nafsu semata-mata. Pada hal,

di sebalik kemewahannya itu berapa banyak pula harta, hak dan kepentingan

orang lain terkorban. Mereka sebenarnya lupa akan segala azab dan sengsara

yang akan mereka terima di akhirat nanti akibat perbuatan mereka sendiri.

Dalam hubungan ini, Rasulullah memperingatkan umatnya yang dilantik menjadi pegawai yang diamanahkan bagi menjalankan kerja untuk kebajikan orang ramai, supaya jangan menunjuk-nunjukkan hidup yang terlalu mewah.

Baginda pernah bersabda kepada Mu'az bin Jabal ketika beliau dilantik menjadi kadi di Yaman, yang bermaksud: "Jauhilah daripada hidup dalam keadaan hidup yang serba mewah kerana hamba Allah yang setia bukanlah orang yang hidup dalam keadaan yang serba mewah." (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Mu'az mematuhi pesan dan nasihat Rasulullah itu. Beliau tidak menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa, jawatan dan tugas yang diamanahkan kepadanya.

Beliau tidak ingin menjadi penyeleweng kerana bertuankan hawa nafsu. Kehidupan beliau tidak melebihi pendapatan yang diperoleh.

Oleh itu, beliau tidak termasuk dalam golongan yang disabdakan oleh Rasulullah yang bermaksud : "Nanti akan ada orang daripada umatku memakan

sajian makanan dan minuman yang bermacam-macam serta memakai pakaian yang

beraneka jenis dan mereka pandai pula bercakap, berbual dan

memutarbelitkan kenyataan. Mereka itu adalah penjahat dalam umatku."

(Hadis riwayat al-Tabrani)

Seorang pegawai Rasulullah dari Bahagian Perbendaharaan Negara, selepas

berjalan memungut cukai, kembali ke Kota Madinah untuk menyerahkan hasil pungutan itu kepada baginda. Pegawai itu berkata : "Wahai Rasulullah,

ini

hasil negara dan ini hadiah untuk saya."

Mendengar kata-kata itu, wajah Rasulullah terus berubah, lalu baginda bersabda kepada orang ramai yang bermaksud: "Aku melantik seorang pegawai

untuk satu pekerjaan, selepas bertugas dia datang dan berkata, ini untuk negara dan ini untuk saya, hasil hadiah daripada orang ramai. Andainya dia

duduk di rumah ibu bapanya, adakah dia dapat hadiah jika dia jujur? Janganlah kamu mengambil sesuatu yang tidak hak bagi kamu."

Selagi rasuah tidak dapat dihapuskan dalam sesebuah negara, selama itulah masyarakatnya akan berada dalam keadaan kucar-kacir. Tidak boleh dinafikan ada kes pembunuhan akibat daripada perbuatan rasuah.

Ini kerana perasaan yang tidak puas hati di pihak yang tertindas itu boleh membuatkan mereka hilang pertimbangan, lalu melakukan perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang yang tersedia ada.

Dalam sabdanya yang lain, Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud: "Bahawa dosa perbuatan rasuah itu sama-sama ditanggung oleh pihak yang memberi, yang menerima dan orang yang menjadi perantaraan dalam perbuatan rasuah itu."

Sementara hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad pula berbunyi: "Tuhan melaknat orang yang memberi rasuah, yang menerima dan menjadi perantaraannya."